



RUGI...Md Saad Ahmad menunjukkan tanaman padinya yang rosak ditenggelami banjir.

Bah: 206 orang dipindah

PENDANG: Banjir di daerah ini semakin buruk apabila jumlah mangsa yang dipindahkan ke pusat penempatan banjir di Kompleks Rakan Sukan, di sini, mencecah 206 orang berbanding 182 orang sebelum ini.

Sehingga jam 4 petang semalam, jumlah mangsa

banjir membabitkan 57 keluarga berbanding 52 sebelum ini yang membabitkan 12 kampung terjejas akibat banjir sejak Rabu lalu.

Antara kampung terjejas ialah Kampung Banggol Kambing, Hampar Kanan, Pondok Hampar, Banggol Besi, Alor Punti, Suka Ma-

ri, Pondok Haji Husin, Tanjung Raden, Tanah Merah Dalam, Alor Ali dan Lubuk Gajah.

Difahamkan, paras air sungai di Sungai Pendang mencapai 2.87 meter berikutan hujan tanpa henti selama tiga hari berturut-turut sejak petang Selasa lalu.